

ART tidak turun taraf

KUCHING: Tidak diturun taraf, itu ditegaskan Menteri Pengangkutan Datuk Seri Lee Kim Shin mengenai pelaksanaan projek Autonomous Rapid Transit (ART) di bandar raya Kuching.

Menurutnya, dalam konteks ART bagi bandar raya Kuching, ia akan dioperasi pada tahap dua, yakni automasi separa yang boleh mengawal kedua-dua kelajuan kenderaan dan pusat lorong.

"Dalam hal ini, kita perlu memahami dengan betul maksud dan tahap autonomous dalam konteks Rapid Transit System (RTS).

"Maka, berdasarkan Standard Society of Automotive Engineers (SAE) J3016, saya ingin mengesahkan semula bahawa tiada penurunan taraf sistem autonomous," katanya.

Beliau berkata demikian semasa menyampaikan ucapan penggulungan kementeriannya pada persidangan Dun Sarawak Ke-19 di sini,

semalam.

Jelasnya, projek ART di bandar raya Kuching dilaksanakan oleh anak syarikat milik penuh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Sarawak (SEDC) iaitu Sarawak Metro Sdn. Bhd. yang mempunyai pasukan berdedikasi, profesional serta mempunyai pengalaman luas.

"Oleh demikian, saranan Adun Pending Violet Yong supaya kita meninggalkan projek ART dan hanya bergantung kepada perkhidmatan bas henti-henti menunjukkan beliau kurang pengetahuan dan pemahaman dalam membangunkan sistem pengangkutan yang baik dan maju.

"Kita tidak seharusnya terbawa-bawa membahaskan perkara remeh ini dengan singkatan sama ada ia bersifat autonomous atau automatik... dijelaskan ART ini akan mempunyai pemandu untuk memastikan operasi dan keselamatannya lancar.

"Saya ingin mengulangi Kerajaan GPS hanya akan melaksanakan projek besar selepas kajian yang sewajarnya dan penemuan mencadangkan projek itu harus diteruskan berdasarkan kemampuan kewangan dan kemungkinan teknikal," ujarnya.

Dalam perancangan dan pembangunan sistem pengangkutan moden, Kim Shin berkata, kerajaan harus menyediakan sistem pengangkutan pelbagai mod untuk rakyat memilih sama ada menggunakan bas dan mod pengangkutan premium lain.

"Dalam kes ini, ART akan dikuasakan oleh sel bahan api hidrogen dan akan berjalan pada trek maya," katanya.

Katanya lagi, projek ART di bawah Sistem Pengangkutan Bandar Kuching (KUTS) dicadangkan dengan dua laluan iaitu laluan Samarahan dari Rembus ke Hikmah Exchange sepanjang 28 kilometer dan melalui 14

stesen.

Sementara laluan Serian dari Batu 12 ke Isthmus sepanjang 24 kilometer melalui 13 stesen.

"Sehingga kini tiga lokasi untuk cadangan Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD) dikenal pasti dan dijangka meningkat pada masa hadapan terutamanya apabila ART siap dan beroperasi.

"Untuk status, kerja awal yang selesai merupakan kajian Penilaian Kesan Alam Sekitar dan Penilaian Kesan Sosial dan Warisan serta kerja prakejuruteraan seperti penilaian tanah dan ukur.

"Pada masa ini juga, reka bentuk terperinci dan infrastruktur sedang dijalankan, sementara pelaksanaan tender kontraktor pakej reka bentuk dan bina sistem sedang berjalan.

"Untuk proses pengambilan tanah bagi projek KUTS akan dilakukan secara berperingkat-peringkat bermula suku ketiga tahun ini," jelasnya.